

26/06/1999

Pas tetap bentuk negara Islam

KOTA BHARU, Jumaat - Pas tetap dengan pendiriannya untuk membentuk negara Islam walaupun terpaksa menggugurkan slogan itu dalam manifesto bersama pakatan parti pembangkang, menjelang pilihan raya akan datang.

Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata sebagai sebuah parti Islam, Pas tetap mempertahankan hasratnya menubuhkan negara Islam dan mendekatkan masyarakat bukan Islam dengan agama itu.

Sehubungan itu, beliau tetap dengan kenyataannya semalam bahawa tidak ada masalah menggugurkan slogan itu jika ia menjadi penghalang kepada gagasan parti pembangkang untuk bekerjasama dengan Pas.

"Saya sebut dengan ikhlas bahawa sekadar slogan kita boleh ubah, tak ada apa asalkan pendirian kita tetap dengan perjuangan Islam," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Kuliah Jumaat di ibu pejabat Pas negeri, hari ini.

Semalam, Menteri Besar Kelantan itu berkata, Pas sedia menggugurkan slogan mewujudkan negara Islam sebagai bukti tolak ansurnya dengan mana-mana parti yang ingin bekerjasama dengannya, termasuk DAP.

Menurutnya, perkara seumpama itu pernah dilakukan Nabi Muhammad ketika menandatangani Perjanjian Perdamaian Hudaibiyah apabila menggugurkan perkataan `Bismillah' dan `Rasulullah' kerana tidak dipersetujui delegasi Makkah.

"Slogan tidak ada apa... boleh dibuang untuk menyelesaikan masalah tetapi Islam dan penubuhan sebuah negara Islam tetap diperjuangkan," katanya.

Ditanya apakah tindakan Pas mempertahankan isu penubuhan negara Islam sebagai gimik politik, beliau berkata, ia terpulang kepada pendapat masing-masing.

"Orang nak kata gimik politik dalam ceramah, itu dia punya pasal. Kita tetap dengan pendirian untuk menegakkan perjuangan menubuhkan negara Islam," katanya.

Beliau juga menegaskan, parti itu juga tidak akan menukar strategi dengan menumpukan perhatian kepada Kelantan walaupun Tengku Razaleigh dilantik sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno negeri.

"Sebelum ini pun Pas lawan Umno, ketika Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) sendiri menjadi pengerusi (Badan Perhubungan Umno Kelantan) dan Datuk Annuar Musa jadi timbalan... kedua-duanya menteri. Ku Li menteri Pusat pun tidak.

"Kalau kita sanggup lawan Dr Mahathir ketika jadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan kenapa kita tak boleh lawan Ku Li?" katanya.

(END)